



Hukum-Hukum Penyusuan Terhadap Anak Susuan: Kajian Kesedaran Masyarakat Islam di Selangor

Hukum Penyusuan

Ruling Towards Breastfeeding in Islam: Study on Awareness of Muslim Community in Selangor

71

ZANARIAH DIMON (Corresponding Author),
NORA'INAN BAHARI, NORITA KAMARUDDIN &
NURHAYATI ABD. GHANI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi Selangor

zanariah@kuis.edu.my, nora'inan@kuis.edu.my
norita@kuis.edu.my, nurhayati.ag@kuis.edu.my

Submitted: 01 February 2018

Revised: 19 March 2018

Accepted: 9 April 2018

E-Published: 10 April 2018

ABSTRAK

Fiqh Islam menjamin hak anak-anak melalui pensyariaan hukum-hukum berkaitan penyusuan bagi tujuan memelihara tuntutan maqasid syariah iaitu penjagaan keturunan (*hifz al-Nasl*). Kepentingan penjagaan keturunan yang dimaksudkan ini termasuklah hak dan jaminan perlindungan terhadap anak-anak susuan. Oleh itu, kesedaran masyarakat Islam sangat penting, bukan sahaja dalam memastikan amalan penyusuan dilaksanakan selaras dengan hukum syarak tetapi juga dalam memahami kesan penyusuan terhadap anak-anak susuan. Artikel ini ditulis bagi membincangkan tahap kesedaran masyarakat Islam di Selangor terhadap hukum-hukum penyusuan berkaitan anak-anak susuan dari aspek aurat, nasab dan perkahwinan. Kajian dilakukan secara lapangan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data tersebut dikumpulkan melalui instrumen borang soal selidik dan analisis data menggunakan perisian SPSS versi 22. Kajian rintis telah dilakukan bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang digunakan dalam soal selidik ini. Pekali *Cronbach Alpha* bagi item daripada soal selidik ini adalah 0.773. Dalam kajian sebenar, seramai 400 orang responden telah dipilih melibatkan tiga lokasi di negeri Selangor iaitu di zon utara (daerah Hulu Selangor), zon tengah (daerah Klang) dan zon selatan (daerah Sepang). Dapatan kajian menunjukkan para responden mempunyai tahap kesedaran yang sangat baik mengenai hukum-hukum penyusuan berkaitan anak susuan dengan purata nilai min keseluruhan adalah 3.88.

Kata Kunci: Kesedaran, Penyusuan, Anak Susuan





ABSTRACT

The Islamic jurisprudence ensures the rights of children through the divine legislations related to their rights to breastfeed, in line with the *maqasid syariah* that is preservation of lineage (*hifz al-nasl*). The preservation of lineage includes the rights and security over the breastfed-infants. Hence, the awareness of the Muslim society is thus very crucial, not only to ensure the practice of breastfeeding is carried out in compliance with *hukm syara'* but also to understand the effects of breastfeeding towards breastfed-infants. This article is written to discuss the awareness level of the Muslims society as represented by the Muslim community in Selangor; on rulings regarding breastfeeding and its effects to 'awrah, lineage and marriage. The data was collected through a quantitative method or field study, using questionnaires as the instrument and it was later analysed using SPSS application version 22. A pilot study has been carried out to test the validity and reliability of the tested items in the questionnaires which resulted in 0.773 Cronbach Alpha. The real study has then been carried out on 400 respondents in three districts of Selangor, namely Hulu Selangor (northern zone), Klang (central zone) and Sepang (southern zone). The result of this study shows that the Muslim community in Selangor has very good understanding and awareness on rulings regarding breastfeeding in Islam and its effect, with overall min value at 3.88.

Keywords: Awareness, Breastfeeding, Breastfed-infants

PENGENALAN

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauh mana kesedaran responden dalam kalangan masyarakat Islam di Selangor daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan sosial mengenai hukum-hukum penyusuan dalam Islam. Antara perkara yang menjadi perhatian berkaitan penyusuan ini ialah kesedaran masyarakat Islam dari sudut hukum penyusuan, hak anak terhadap susuan, hak dan kewajipan bapa dalam penyusuan anak, kesan penyusuan terhadap anak susuan dan isu-isu semasa berkaitan penyusuan seperti derma susu dan menyusukan anak di khalayak awam (*nursing in public*). Walau bagaimanapun, fokus penulisan ini adalah mengenai hasil dapatan kesedaran masyarakat Islam di Selangor mengenai kesan penyusuan terhadap anak susuan dari aspek aurat, nasab dan perkahwinan.

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini, hampir kesemua ibu-ibu yang melahirkan bayi akan memberikan susu kepada bayi mereka kerana susu ibu mampu memberi tumbesaran yang baik kepada bayi. Namun, dalam membincangkan isu penyusuan ini, perlu dilihat daripada pelbagai aspek yang kadang-kala dilihat remeh oleh sesetengah pihak. Setiap bayi yang dilahirkan memerlukan penyusuan yang sempurna bagi menjamin kesihatan mereka. Ini terbukti dengan ayat-ayat dari al-Qur'an yang memberikan tanggungjawab kepada ibu bapa bagi memastikan anak mereka mendapat penyusuan yang sempurna dari awal kelahiran sehingga sampai tempoh yang



dinyatakan berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 233 yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.

(Al-Baqarah, 2: 233)

Ahli sains juga turut mengakui kebenaran al-Qur'an dalam menyampaikan saranan dan ajaran kepada manusia terutamanya mengenai penyusuan. Kelebihan penyusuan ibu telah terbukti dengan pelbagai bentuk kajian yang dijalankan bagi menunjukkan bahawa susu ibu adalah makanan terbaik buat bayi berbanding makanan yang diproses. Menurut Nanang Rokhman Saleh (2012) dalam artikel yang bertajuk "Laktasi dalam Perspektif al-Qur'an", salah satu hak seorang anak setelah dilahirkan adalah hak untuk mendapatkan penyusuan dari ibunya sebagai makanan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan bayi kerana susu ibu banyak mempengaruhi dan membekalkan nutrisi kepada anak.

Amalan ibu susuan memberi implikasi kepada perbincangan hukum syarak berkaitan ibu, bapa, anak, tempoh penyusuan dan kaedah, isu-isu yang berbangkit seperti penyusuan di tempat awam (*nursing in public*) dan derma susu, serta kesan yang melibatkan perkahwinan, aurat, hak dan tanggungjawab dan upah penyusuan kepada ibu yang menyusukan serta pelbagai lagi aspek hukum yang menjadi permasalahan dalam penyusuan ini. Malah dengan adanya isu-isu ini akan menjadikan hukum syarak sentiasa berkembang dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman.

Penyusuan adalah antara tajuk perbahasan dalam pengajian *fiqh al-ahwal al-syakhsyyah* atau *fiqh al-usrah* atau *fiqh al-munakahat*. Lazimnya perbahasan tersebut mengandungi bab perkahwinan, perceraian dan hak-hak anak yang termasuk di dalamnya nasab, penyusuan dan hadanah (al-Zuhayli, 1989). Walau bagaimanapun, persoalan berkaitan hukum penyusuan jarang menjadi fokus kajian dalam undang-undang Islam berkaitan kekeluargaan berbanding dengan hadanah. Pengetahuan mengenai hukum hukum berkaitan anak susuan adalah perlu jelas dari sudut hukum



syarak bagi memelihara tuntutan maqasid syariah iaitu penjagaan keturunan (*hifz al-nasl*) dan aspek jaminan hak anak-anak.

Hukum-hukum ini berkait rapat dengan isu pengambilan anak angkat dalam kalangan masyarakat Islam. Anak angkat yang diambil dan dibesarkan dalam sebuah keluarga angkat adakala boleh menimbulkan konflik dari segi aurat dan perhubungan mahram. Justeru, penyusuan anak angkat boleh mengelakkan konflik tersebut. Walau bagaimanapun, kaedah dan garis panduan penyusuan tersebut perlu jelas mengikut hukum syarak supaya kesan dan implikasinya selaras dengan syarak (Zilal Saari. 2014)

Kajian ini dijalankan di negeri Selangor dengan mengambil sampel masyarakat Islam dari kalangan lelaki dan wanita yang tinggal di negeri Selangor. Ini mengambil kira bahawa isu penyusuan hari ini timbul dalam kalangan masyarakat Islam bagi memenuhi tanggungjawab terhadap anak dan tuntutan tugas. Justeru pemahaman yang sahih dalam isu ini perlu dalam kalangan masyarakat khususnya kepada kedua-dua pihak ibu dan bapa terutamanya agar hak anak ini dapat dipenuhi.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas kepada umatnya malah sangat tersusun dan teratur bagi mencapai objektif syariat dan kejadian manusia. Dalam negara yang semakin pesat dan membangun ini, peranan wanita tetap sama malah menjadi semakin penting. Peranan wanita dari masa dulu hingga masa kini tidak terhad di rumah sebagai ibu mahupun isteri tetapi juga dalam pelbagai bidang profesional. Malah, mereka merupakan golongan yang mulia seiring dengan pengorbanan yang dipikul oleh mereka yang tidak mungkin mampu ditanggung oleh kaum lelaki.

Ini dapat dilihat dari beberapa sudut yang sesuai dengan fitrah kejadian mereka seperti kesediaan mengandungkan bayi selama sembilan bulan, kesakitan dan bahaya yang ditanggung semasa melahirkan seterusnya kepayahan mengasuh, menjaga dan menyusukan anak-anak. Ciri-ciri seperti ini menurut Sayyid Qutb (1997) amat susah lagi mencabar dan tidak mampu ditanggung oleh golongan lelaki.

Abdul Karim Zaydan (2000) merupakan antara ulama yang telah memberikan penerangan tentang perbahasan fuqaha dan mufasirin berkaitan pihak-pihak yang terlibat dengan penyusuan susu ibu seperti ibu, bapa dan anak. Penulisan berkaitan dengan bentuk-bentuk penyusuan yang mensabitkan nasab pula telah ditulis oleh al-Mawardi (1996) dan ia sangat baik untuk dijadikan rujukan.

Manakala perbahasan tentang rukun, syarat, tempoh penyusuan dan hak penyusuan dibahaskan oleh para fuqaha dalam kitab fiqh pelbagai mazhab. Antaranya kitab *al-Mudawwanah* yang ditulis oleh al-Asbahi (1991) dan *Hashiah al-Dusuqi* yang ditulis oleh Dusuqi (t.t) daripada mazhab Maliki, kitab *al-Mughni al-Muhtaj* oleh al-Sharbini (1978) daripada mazhab Syafii, *al-Mughni* oleh Ibn Qudamah (1983) daripada mazhab Hanbali dan *al-Mabsut* oleh al-Sarkhasi (t.t) daripada mazhab Hanafi.



Selain daripada kitab-kitab fiqh, perbahasan mengenai penyusuan susu ibu juga dibahas dengan terperinci oleh para mufasirin. Mereka membahaskan perkara tersebut berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 233. Selain itu, antara mufasirin yang memperkatakan tentang susu ibu di dalam penafsiran mereka ialah al-Alusi (1987) dalam *Ruh al-Ma'ani*, Rashid Ridha (2005) dalam *Tafsir al-Manar*, al-Qurtubi (2004) dalam *Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* dan Sayyid Qutb (1997) dalam tafsir *Fi Zilal al-Qur'an*.

Selain itu, al-Mawardi (1996) menyatakan bahawa penyusuan ibu mendatangkan banyak manfaat kepada ibu dan bayi dalam pelbagai aspek. Ia akan membantu perkembangan psikologi anak-anak dan dapat mengeratkan lagi hubungan antara ibu dan anak sehingga memberikan kesihatan yang baik dari segi fizikal mahupun mental. Justeru, Islam menekankan agar memilih wanita yang beriman, berakhlak mulia dan berperibadi tinggi kerana bayi mudah terpengaruh dengan sikap ibu susuan dan persekitarannya.

Dalam penulisan terkini, Siti Fatimah Saleh et al. (2014) turut membincangkan mengenai hukum-hukum berkaitan ibu susuan dan anak susuan khususnya bagi mengaplikasikan mekanisme yang efektif sebagai bukti pengambilan ibu susuan sesuai dengan kehendak hukum syarak. Menurut Zilal Saari (2014), penyusuan oleh ibu angkat terhadap anak angkat akan dapat menyelesaikan banyak masalah yang berkaitan hubungan aurat sesama mereka. Bagaimanapun, kesannya yang lain seperti nasab, harta pusaka dan perkahwinan perlu selaras dengan hukum syarak.

Menurut hukum syarak, seseorang anak susuan boleh menjadi mahram kepada ibu susuan dan keturunannya. Hubungan sesusuan juga boleh menjadikan mereka boleh berdua-duaan, harus melihat keturunan sesusuan dan boleh bermusafir bersama). Normadiyah Daud et al. (2015) dalam kajiannya mendapati hukum-hukum berkaitan penyusuan anak susuan telah memberi kesan kepada pelaksanaan ibu susuan atau menyerahkan anak untuk disusui oleh orang lain. Ini kerana mereka bimbang dengan kesan-kesan daripada penyusuan tersebut seperti diharamkan berkahwin dan sebagainya.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Artikel ditulis berdasarkan kajian kuantitatif kaedah tinjauan. Proses analisis dilaksanakan terhadap data-data yang yang diperolehi daripada instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada 400 responden. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 22.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap kesedaran masyarakat Islam. Semua dapatan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan perbincangan.

Lokasi Kajian

Negeri Selangor dipilih sebagai lokasi kajian dan dibahagikan kepada daerah mengikut zon utara, tengah dan selatan. Bagi zon utara, penyelidik memilih daerah Hulu Selangor, manakala daerah Klang bagi zon tengah dan daerah Sepang mewakili zon selatan. Pemilihan lokasi ini bertepatan dengan pendapat Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) yang mencadangkan empat faktor untuk dipertimbangkan dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, ketidakkiasaan (*unfamiliarity*), sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Pemilihan lokasi ini adalah melibatkan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama dalam pengumpulan data.

Populasi, Persampelan dan Kaedah Persampelan Kaedah

Persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al, 1996). Melalui kaedah ini juga penyelidik berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine, 1992). Dalam kajian ini, pemilihan jumlah sampel ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Uma Sekaran (2003) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel serta mendapati jumlah sampel yang telah dipilih adalah yang terbesar. Berikut adalah jadual pemilihan sampel kajian:

Jadual 1: Pensampelan Kajian Sebenar

Bil	Lokasi Populasi	Persampelan
1	Zon Utara – Hulu Selangor	198,132 penduduk 100 sampel
2	Zon Tengah – Klang	861,189 penduduk 200 sampel
3	Zon Selatan – Sepang	211,361 penduduk 100 sampel

LATAR BELAKANG RESPONDEN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan taburan data jantina dan status perkahwinan responden. Seramai 201 orang (50.2%) responden adalah lelaki, manakala 199 orang (49.8%) responden adalah perempuan. Dari sudut status perkahwinan pula, 208 orang (52%) responden masih bujang, 180 orang (45%) telah berkahwin, 11 orang (2.7%) daripadanya merupakan janda atau balu, dan baki seorang (0.3%) responden adalah duda.

Jadual 2: Jantina dan Status Perkahwinan Responden

Faktor	Kategori	N	Peratus
Jantina	Lelaki	201	50.2
	Perempuan	199	49.8
Jumlah		400	100



Status Berkahwin	Kategori	N	Peratus
	Bujang	208	52.0
	Berkahwin	180	45.0
	Janda/Balu	11	2.7
	Duda	1	0.3
Jumlah		400	100

Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan data umur responden. Seramai 9 orang (2.2%) responden berusia 20 tahun ke bawah, 251 orang (62.7%) berusia dalam lingkungan 21-30 tahun, 85 orang (21.3%) berumur antara 31-40 tahun, 40 orang (10%) dalam lingkungan umur 41 – 50 tahun, dan 15 orang (3.8%) sahaja berumur 51 tahun ke atas.

Jadual 3: Umur Responden

Faktor	Kategori	N	Peratus
Umur	20 tahun kebawah	9	2.2
	21-30 tahun	251	62.7
	31-40 tahun	85	21.3
	41 – 50 tahun	40	10.0
	51 tahun ke atas	15	3.8
Jumlah		400	100

Jadual 4 pula menunjukkan taburan data bilangan anak responden. Terdapat 236 orang (59%) belum mempunyai anak, 27 orang (6.7%) mempunyai seorang anak, 58 orang (14.5%) mempunyai 2 orang anak, 36 orang (9%) mempunyai 3 orang anak, 19 orang (4.8%) ada 4 orang anak, 14 orang (3.5%) mempunyai 5 orang anak, dan 10 orang (2.5%) mempunyai bilangan anak yang tidak diketahui jumlahnya.

Jadual 4: Bilangan Anak Responden

Faktor	Kategori	N	Peratus
Bilangan Anak	Tiada	236	59.0
	1 orang	27	6.7
	2 orang	58	14.5
	3 orang	36	9.0
	4 orang	19	4.8
	5 orang	14	3.5
	Lain-lain	10	2.5
Jumlah		400	100

Jadual 5 di bawah menunjukkan taburan data bagi tempat tinggal responden. Seramai 100 orang (25%) responden dari Hulu Selangor, 100 orang (25%) responden dari Sepang, dan 200 orang (50%) responden dari Klang.

Jadual 5: Tempat Tinggal Responden

Faktor	Kategori	N	Peratus
Tempat Tinggal	Hulu Selangor	100	25.0
	Selangor	100	25.0
	Klang	200	50.0
Jumlah		400	100

Jadual 6 di bawah menunjukkan taburan data bagi pendidikan tertinggi responden. Seramai 126 orang (31.5%) responden mempunyai sijil SPM, 29 orang (7.2%) responden tamat STPM, 87 orang (21.7%) responden lulusan diploma, 121 orang (30.3%) responden lepasan ijazah sarjana muda, 35 orang (8.8%) responden graduan ijazah sarjana, manakala baki 2 orang (0.5%) responden mempunyai lain-lain pendidikan.

Jadual 6: Pendidikan Tertinggi Responden

Faktor	Kategori	N	Peratus
Pendidikan Tertinggi	SPM	126	31.5
	STPM	29	7.2
	Diploma	87	21.7
	Ijazah Sarjana Muda	121	30.3
	Ijazah Sarjana	35	8.8
	Ijazah Doktor Falsafah	0	0
	Lain-lain	2	0.5
Jumlah		400	100

Jadual 7 di bawah menunjukkan taburan data bagi pekerjaan responden. Seramai 94 orang (23.5%) responden berkhidmat sebagai penjawat awam, 144 orang (36%) responden kakitangan swasta, 64 orang (15.7%) bekerja sendiri, 8 orang (2%) tidak bekerja, 84 orang (21%) masih lagi belajar dan baki 7 orang (1.8%) responden menanda pada kategori lain-lain.

Jadual 7: Pekerjaan Responden

Faktor	Kategori	N	Peratus
Pekerjaan	Kakitangan Awam	94	23.5
	Kakitangan Swasta	144	36.0
	Bekerja Sendiri	63	15.7
	Tidak Bekerja	8	2.0
	Pelajar	84	21.0
	Lain-lain	7	1.8
Jumlah		400	100

Jadual 8 di bawah menjelaskan tentang sumber pengetahuan responden. Seramai 86 orang (21.5%) mendapatkan maklumat dari media sosial, 88 orang (22%) melalui media cetak, 44 orang (11%) menerima imput dari media elektronik, 110 orang (27.5%) melalui pendidikan formal, 57 orang (14.2%) melalui pendidikan tidak formal, dan 15 orang (3.8%) melalui lain-lain sumber.

Jadual 8: Sumber Pengetahuan Responden

Faktor	N	Peratus
Media Sosial	86	21.5
Media Cetak	88	22.0
Media Elektronik	44	11.0
Pendidikan Formal	110	27.5
Pendidikan Tidak Formal	57	14.2
Lain-lain	15	3.8
Jumlah	400	100



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Susu ibu sangat dipandang tinggi dalam undang-undang kekeluargaan Islam kerana ianya boleh memberikan kesan kepada hukum hakam antara ibu susuan dan anak susuan. Ibu yang menjadi ibu susuan kepada anak susuan diharamkan berkahwin dengan anak susuannya untuk selama-lamanya (Normadiyah Daud, 2015). Justeru, oleh kerana kepentingannya itu, masyarakat perlu sedar mengenai hukum hakam yang berbangkit daripada penyusuan terutamanya yang berkaitan dengan ibu susuan dan anak susuan. Penyusuan membawa kesan yang menghalalkan dalam tiga hukum iaitu dari segi wudu', aurat dan pergaulan, manakala ia tidak menjejaskan empat hukum (yang mengharamkan) dari segi penasaban, perwalian, larangan berkahwin dan pewarisan harta.

Dalam hukum syarak, tidak batal wudu' jika bersentuhan di antara anak susuan dengan ibu bapa susuannya, batas aurat anak susuan adalah seperti dengan ibu bapa kandungnya dan dibolehkan bersentuhan kulit di antara anak susuan dengan ibu bapa susuannya. Dari segi penasaban, anak susuan tidak boleh dinasabkan kepada bapa susuannya. Begitu juga dengan perwalian, anak susuan tidak boleh diwalikan oleh bapa susuannya. Begitu juga dalam hal larangan berkahwin, anak susuan haram berkahwin dengan ibu bapa susuan dan adik beradik susuannya (Zilal Saari, 2014). Berkenaan pewarisan harta pula, anak susuan tidak mendapat pewarisan daripada ibu susuan, dan tidak pula mewariskan harta kepada ibu susuan.

Hasil kajian mendapati analisis peratus dan kekerapan kesedaran masyarakat Islam di Selangor berhubung hukum-hukum penyusuan terhadap anak susuan adalah di tahap yang sangat baik. Jadual 9 menunjukkan tahap kesedaran responden berkaitan kesan penyusuan terhadap anak susuan khususnya dari aspek hubungan nasab dan perkahwinan. Nasab anak susuan adalah kepada ayah kandung (Min = 3.78, SP = 0.94), hukum yang boleh mensabitkan nasab bayi dengan ibu susuannya ialah lima kali kenyang (Min = 3.72, SP = 1.01), anak susuan tidak boleh berkahwin dengan ibu susuannya (Min = 4.43, SP = 0.83), anak susuan tidak boleh berkahwin dengan suami ibu susuannya (Min = 4.12, SP = 1.02), adik beradik sesusuan tidak boleh berkahwin antara satu sama lain (Min = 4.36, SP = 0.87), anak sesusuan tidak boleh berkahwin dengan ibu dan bapa saudara susuannya (Min = 3.77, SP = 1.05), anak susuan tidak boleh berkahwin datuk dan nenek susuan, dengan ibu dan bapa kepada ibu dan bapa susuannya (Min = 3.82, SP = 0.96), bapa susuan tidak boleh menjadi wali kepada anak perempuan susuan (Min = 3.49, SP = 1.09)

Seterusnya, analisis yang menunjukkan kesedaran responden terhadap penyusuan yang mensabitkan batasan aurat dan pewarisan harta pusaka menunjukkan tahap yang rendah. Buktinya, data batas aurat anak susuan sama seperti batas aurat ibu bapa kandung menunjukkan min = 3.88, SP = 1.05, tidak batal wuduk jika bersentuh anak susuan dengan ibu susuannya (Min = 3.86, SP = 1.07), boleh bersalaman di antara anak susuan dengan ibu bapa susuannya (Min = 3.96, SP = 0.97), dan anak susuan tidak boleh mewarisi harta pusaka ibu bapa susuan (Min = 3.41, SP = 1.20).



Jadual 9: Kesedaran Berkaitan Kesan Penyusuan Terhadap Anak Susuan

Item	Kekerapan & Peratus					Min & Sp
	STS	TS	TP	S	SS	
Nasab anak susuan adalah kepada ayah kandung	2 (0.5)	21 (5.3)	157 (39.3)	102 (25.5)	118 (29.5)	3.78 (0.94)
Hukum nasab bayi dengan ibu susuannya ialah 5kali kenyang	16 (4.0)	20 (5.0)	121 (30.3)	145 (36.3)	98 (24.5)	3.72 (1.01)
Anak susuan tidak boleh berkahwin dengan ibu susuannya	5 (1.3)	6 (1.5)	41 (10.3)	108 (27.0)	240 (60.0)	4.43 (0.83)
Anak susuan tidak boleh berkahwin dengan suami ibu susuannya	13 (3.3)	4 (1.0)	97 (24.3)	92 (23.0)	194 (48.5)	4.12 (1.02)
Adik beradik sesusuan tidak boleh berkahwin satu sama lain	4 (1.0)	13 (3.3)	43 (10.8)	112 (28.0)	228 (57.0)	4.36 (0.87)
Anak sesusuan tidak boleh kahwin ibubapa saudara susuannya	13 (3.3)	18 (4.5)	148 (37.0)	90 (22.5)	131 (32.8)	3.77 (1.05)
Anak susuan tidak boleh kahwin datuk nenek susuan, ibu bapa kepada ibu bapa susuannya	2 (0.5)	16 (4.0)	168 (42.0)	77 (19.3)	137 (34.3)	3.82 (0.96)
Bapa susuan tidak boleh menjadi wali kepada anak perempuan susuan	21 (5.3)	31 (7.8)	173 (43.3)	80 (20.0)	95 (23.8)	3.49 (1.09)
Batas aurat anak susuan sama seperti batas aurat ibu bapa kandung	18 (4.5)	9 (2.3)	110 (27.5)	126 (31.5)	137 (34.3)	3.88 (1.05)
Tidak batal wuduk jika bersentuh anak susuan dengan ibu susuannya	19 (4.8)	14 (3.5)	105 (26.3)	127 (31.8)	135 (33.8)	3.86 (1.07)
Boleh bersalaman di antara anak susuan dengan ibu bapa susuannya	13 (3.3)	9 (2.3)	91 (22.8)	152 (38.0)	135 (33.8)	3.96 (0.97)
Anak susuan tidak boleh mewarisi harta pusaka ibu bapa susuan	39 (9.8)	21 (5.3)	178 (44.5)	60 (15.0)	102 (25.5)	3.41 (1.20)
Jumlah					400	3.88



Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai kesedaran yang sangat baik mengenai hukum hakam berkaitan penyusuan dan anak susuan dengan purata nilai min sebanyak 3.88. Sebagai contoh, responden mempunyai tahap kesedaran yang sangat baik mengenai kesan penyusuan dari segi perkahwinan dan aurat. Data menunjukkan 57% responden sangat setuju tentang hukum adik beradik susuan tidak boleh berkahwin antara satu sama lain. Kesedaran yang tinggi ini dapat mengelakkan implikasi perkahwinan sesama hubungan sesusuan sehingga boleh memberi kesan kepada kesahan perkahwinan itu dari segi syarak dan undang-undang.

Walau bagaimanapun, analisis data mendapati responden tidak pasti tentang kesan-kesan lain berkaitan wali, nasab dan pusaka. Sebagai contoh, 44.5% responden tidak pasti hukum mewarisi harta pusaka ibu bapa susuan. Manakala 27.5% responden memlilih tidak pasti mengenai persoalan batasan aurat sesama anak dan adik beradik susuan. Penyelidik berpendapat tahap kesedaran ini banyak dipengaruhi dengan kefahaman mengenai ilmu penyusuan berkaitan hukum-hukum anak susuan.

Dalam Islam, perbincangan tentang hukum penyusuan amat dititikberatkan dalam Islam kerana ia memberi kesan dari segi nasab dan keturunan sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Qur'an. Menurut Nanang Rokhman Saleh (2012) terdapat dua sebab diharamkan pernikahan; iaitu persaudaraan dan penyusuan seperti yang termaktub dalam Surah an-Nisa ayat 23 dan Surah al-Baqarah ayat 233.

Oleh itu, diharamkan pernikahan antara anak susuan dengan ibu dan bapa susuan serta sesama adik beradik susuan sebagaimana diharamkan berkahwin dengan ibu dan bapanya dan sesama adik beradik kandungnyanya seibu sebapa atau seibu atau sebapa. Begitu juga keadaannya berkaitan hukum aurat anak dan adik beradik susuan.

Kesan hukum ini akan terhasil apabila syarat-syarat mengenai air susu dipenuhi. Air susu hendaklah kekal dalam sifatnya yang asal sama ada mengalir atau sebagainya. Sekiranya air susu bercampur dengan sesuatu bahan yang lain sama ada ia cecair seperti air, atau sesuatu yang keras seperti makanan, air susu hendaklah lebih banyak daripada bahan campuran tersebut dengan syarat seperti ada tanda zahir warna susu atau rasa atau pun baunya.

Manakala jika campuran air susu itu menghilangkan ketiga-tiga sifatnya iaitu warna, rasa dan bau, mengikut *qaul azhar* adalah sabit hukum susuan jika diberi minum pada bayi itu keseluruhan air susu yang bercampur tersebut. Ini kerana telah yakin akan sampainya 'ain air susu itu ke dalam perut. Walau bagaimanapun jika hanya sebahagian air susu yang bercampur itu diminum oleh bayi, mengikut *qaul asah* adalah tidak sabit hukum anak susuan. Sebaliknya, jika jelas dan yakin bahawa lebihan campuran itu hanya tertinggal sedikit maka sabitlah bayi tersebut sebagai anak susuan yang memberi kesan kepada hukum hakam berkaitan. (Sharbini, 1978).



KESIMPULAN

Hasil analisis dan perbincangan semua data-data kuantitatif yang diperolehi daripada kajian ini, ternyata kesedaran masyarakat Islam mengenai hukum-hukum penyusuan terhadap anak susuan adalah di tahap yang sangat baik dengan nilai min keseluruhannya adalah 3.88. Sesuai dengan tahap pendidikan responden dan sumber mendapatkan pengetahuan mengenai ilmu penyusuan daripada pendidikan formal. Analisis tentang kesedaran responden menunjukkan mereka menyedari dan memahami kesan penyusuan terhadap anak-anak susuan dari aspek nasab, aurat dan perkahwinan. Mereka menyedari kepentingan memahami hukum-hukum tersebut bagi menjamin hak dan kemaslahatan ibu susuan dan anak susuan dari segi hukum syarak. Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Islam mengenai hukum-hukum penyusuan, kajian ini mengesyorkan modul Fiqh *Rada'ah* (Fiqh Penyusuan) dapat disampaikan sebagai salah satu daripada slot pengajaran agama di surau-surau dan masjid-masjid. Selain itu, pihak-pihak berwajib perlu menyediakan garis panduan etika penyusuan menurut Islam bagi memastikan panduan penyusuan patuh syariah dapat dilaksanakan khususnya mengenai kaedah dan tatacara berhubung penyusuan yang memberi kesan dari segi hukum kepada anak-anak susuan.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 1963. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an 30 juzuk Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Dar al-Kitab Malaysia.
- Berenson, M. L. & Levine, D. M. 1992. *Basic Business Statistics: Concepts and Applications*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Dusuqi, Shams al-Din al-Shaikh Muhammad 'Arafah. t.t. *Hashiyah al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*. Kaherah: 'Isa al-Halabi.
- Al-Husni, Taqiyuddin Abi Bakar bin Muhammad al-Husaini. 1995. *Kifayatul Akhyar Fi Halli Ghayat al-Ikhtisar*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. 1983. *Al-Mughni*. Palestin: Dar 'Alam al-Kutub.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement 30*. California: Sage Journal US.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib. 1996. *Kitab al-Rada'*. Beirut: Dar Ibn Hazm.



- Nanang Rokhman Saleh. 2012. Laktasi dalam Perspektif al-Qur'an: Sebuah Kajian Tafsir Tematik. *Journal of Health Science* 5(2).
- Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social Research Methods*. Ed. Ke- 5. New York: Pearson Education Inc.
- Normadiyah Daud, Nadhirah Nordin, Mariam Nabilah Mohd Noor. 2015. Kefahaman Ahli Akademik IPTA Kuala Terengganu Terhadap Konsep Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam. *E-Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Vol 10. pp 2-18.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 2004. *Al-Jami' li ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ridha, Muhammad Rashid. 2005. *Tafsir al-Qur'an al-Hakim al-Mustahir bi Tafsir al-Manar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Sayyid Qutb. 1997. *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Sekaran, Uma. 2003. *Research Methods for Business*. Ed. Ke- 4. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Sharbini, al-Khatib. 1978. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat al-Ma'ani Alfaz Sharh al-Minhaj*. Syria: Dar al-Hadith.
- Al-Shirazi, Taqi al-Din 'Ali ibn 'Abd al-Kafi al-Subki. t.th. *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabat al-Irshad.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Perkhidmatan Percetakan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.
- Siti Fatimah Saleh, Normadiyah Daud dan Saadan Man. 2014. Amalan Pengambilan Ibu Susuan: Satu Kajian sorotan Terhadap Dokumentasi Bukti Penyusuan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- Zaydan, Abdul Karim. 2000. *Al-Mufasssol fi Ahkam al-Mar'ah wa Bait al-Muslim fi Syariati al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Ed. Ke- 7. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Zilal Saari dan Farawahida Mohd Yusof. 2014, Penyusuan Anak Angkat: Satu Analisis. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Keluarga dari Perspektif Global 2014.